

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri perjalanannya anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Insurans Kemalangan Diri Perjalanan Berkumpulan?

Insurans Kemalangan Diri Perjalanan memberi pampasan atau bayaran balik kepada Orang Diinsuranskan bagi kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal, serta bagi perbelanjaan kesulitan perjalanan yang ditanggung seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi semasa perjalanan di dalam dan/atau ke luar negara.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM120.00** [setahun] dan Jumlah Diinsuranskan **RM500,000**, anda akan menerima **perlindungan** insurans di bawah Pelan Korporat (Serantau & Asia) untuk 1 Orang Diinsuranskan:

Polisi ini **melindungi**:

- Faedah Kemalangan Peribadi
- Perbelanjaan Perubatan
- Rawatan Susulan (Luar Negara)
- Penginapan di Hospital – Faedah Tunai (Luar Negara)
- Faedah Tunai untuk Penginapan Berganda di Unit Rawatan Rapi (Luar Negara)
- Evakuasi Perubatan Kecemasan (Luar Negara)
- Pemulangan Jenazah (Luar Negara)
- Lawatan Ihsan (Luar Negara)
- Pembatalan Perjalanan
- Pemendekan Perjalanan
- Kelewatan Perjalanan / Kelewatan Penerbangan
- Terlepas Keberangkatan
- Kelewatan Bagasi
- Kehilangan Bagasi & Barangan Peribadi
- Kerosakan atau Kehilangan Komputer Riba
- Kehilangan Dokumen Perjalanan
- Kehilangan Wang Peribadi
- Yuran Guaman
- Liabiliti Peribadi
- Ganti Rugi Kad Kredit
- Dana Pendidikan Anak
- Kehilangan Deposit atau Bayaran kerana Insolvensi Syarikat Penerbangan
- Penyanderaan atau Keganasan
- Khidmat Bantuan Perjalanan 24 Jam (Seluruh Dunia)
- Evakuasi & Repatriasi (Dalam Negara)
- Komputer Peribadi (Dalam Negara)
- Peralatan Golf (Dalam Negara)

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Kehilangan akibat tindakan sengaja, berniat jahat atau tidak sah atau kecuaiannya, sebarang tindakan musuh asing, perang saudara, pencerobohan, revolusi, pemberontakan, penggunaan kuasa ketenteraan atau perampasan kuasa kerajaan atau ketenteraan.
- Reaksi nuklear, radiasi atau pencemaran radioaktif.
- Berburu, menunggang atau memandu dalam apa-apa jenis perlumbaan.
- Menyertai mana mana sukan profesional atau mana mana aktiviti sukan.
- Kehamilan atau bersalin.
- Bunuh diri atau cubaan bunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan, serangan yang diprovokasi, atau berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah.
- Gangguan mental dan saraf.
- Sindrom Kurang Daya Tahan Badan (AIDS) atau Virus Kurang Daya Tahan Badan Manusia (HIV).

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

| Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut: | |
|--|--|
| Perlindungan Asas | RM120.00 (setahun) |
| (+) Perlindungan Tambahan | Tidak Berkenaan |
| Premium Kasar | RM120.00 (setahun) |
| Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut: | |
| (+) 8% Cukai Perkhidmatan | RM9.60 |
| (+) Duti Setem | RM10.00 |
| Jumlah Premium Perlu Dibayar | RM139.60 (setahun) |
| Di mana ini termasuk: | |
| Komisen | 25% daripada Premium Kasar atau RM30.00 |
| Nota: | |
| <ul style="list-style-type: none">Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. | |

4 Terma-Terma Utama Lain

| |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans andaTuntutan: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang tuntutan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian, atau secepat yang munasabah jika kelewatan tidak dapat dielakkan.Faedah bagi perbelanjaan (seperti kos perubatan) akan dibayar berdasarkan bayaran balik, jika anda memegang beberapa polisi, jumlah yang dibayar tidak akan melebihi kerugian sebenar. |
| Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat. |

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Polisi ini hanya boleh dibatalkan oleh Orang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam polisi.
- Orang diinsuranskan boleh membatalkan Polisi Induk ini pada bila-bila masa dengan notis bertulis yang diserahkan atau dihantar melalui pos kepada Liberty General Insurance Berhad. Premium yang akan dipulangkan, jika ada, akan dikira mengikut peratusan yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan polisi, tertakluk kepada premium minimum yang ditetapkan dalam Jadual Polisi.